



**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK BERCAWANGAN
(PPM-029-14-15022019)**

**KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA
(KKKM)**

**Aras 2-4-3, Menara Wisma Sejarah
230 Jalan Tun Razak
50400 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Email : kkk.malaysia@yahoo.com
No. Telefon : 03-2602 1676**

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK BERCAWANGAN**

(PPM-029-14-15022019)

KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA (KKKM)

(PPM-029-14-15022019)

SALINAN YANG BENAR BAGI DOKUMEN
ASAL SEBAHAGIANNYA

MUHAMMAD FAZAN BIN MOHD NOORDIN
PENOLONG PENDAFTAR PERTUBUHAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

TARIKH: 24/9/2020

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA (KKKM)

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **KELAB:**
Terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia

KEHARMONIAN:
Menyemaiakan semangat keharmonian yang tinggi kepada pelbagai kaum penduduk di Malaysia dalam erti kepelbagaian agama, budaya dan sosial serta memahami peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan negara.

KERAJAAN MALAYSIA:
Dari titik keharmonian itu akan menjadi landasan yang diharapkan terhadap Kerajaan MALAYSIA dalam apa jua cadangan dan tuntutan yang diketengahkan untuk membantu dan memajukan setiap kaum selaras dengan peruntukan perlembagaan negara yang perlu dipatuhi dan dipertahankan selaras dengan wawasan Malaysia.

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**ARAS 2-4-3 MENARA WISMA SEJARAH 230 JALAN TUN RAZAK
50400 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**ARAS 2-4-3 MENARA WISMA SEJARAH 230 JALAN TUN RAZAK
50400 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



- atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;
- Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

FASAL 3: TUJUAN/ MATLAMAT

- Tujuan KKKM ini adalah untuk menyatukan semua kaum bermula dari umur 18 tahun ke atas
- Memupuk nilai-nilai murni dikalangan ahli-ahli bagi melahirkan generasi berhemah tinggi
- Untuk meningkatkan perhubungan dikalangan ahli-ahli dalam masyarakat serta pemimpin-pemimpin Negara
- Mengadakan program dan aktiviti yang berunsurkan pendidikan bagi melahirkan generasi yang berkualiti dan dapat menyumbangkan ke arah kemajuan Negara
- Menjalankan program dan aktiviti kesihatan dengan tujuan melahirkan masyarakat yang sihat
- Menjalankan kerja-kerja amal untuk mencapai matlamat KKKM
- Melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan kebajikan ahli dan masyarakat
- Tempat ahli-ahli mengadu memohon bantuan dan sokongan perkara-perkara berkaitan kepada Kerajaan Malaysia
- Menegakkan Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi dan kedudukan Raja-raja Melayu mempertahankan perlembagaan negara serta mengukuhkan perpaduan kaum

FASAL 4 KEAHLIAN

FASAL 4: KEAHLIAN

- Jenis Ahli
- Jenis Ahli ada 2 jenis



(a) Ahli Biasa

(b) Ahli Kehormat VIP

(3) Ahli Biasa , semua ahli adalah ahli biasa

(4) Ahli Biasa boleh dilantik memegang jawatan dalam KKKM

(5) Ahli Biasa terbuka kepada semua rakyat malaysia tidak kira apa jantina, kaum ugama, bangsa, keturunan, pangkat, darjat, kedudukan individu

(6) Syarat menjadi ahli biasa berumur 18 tahun ke atas yang tinggal di Malaysia

(7) Jumlah bilangan Ahli biasa tidak dihadkan

(8) Tiap-tiap permohonan menjadi ahli biasa hendaklah dicadang satu ahli dan dihantar kepada setiausaha cawangan tempatan dan hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada jawatan kuasa cawangan untuk diluluskan . Jawatankuasa cawangan boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya permohonan menjadi ahli dimana cawangan belum ditubuhkan hendaklah diuruskan mengikut kaedah itu juga oleh Setiausaha Agong dan Jawatankuasa Pusat.

(9) Tiap-tiap permohonan yang telah diluluskan seperti tersebut di atas hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahunan atau yuran seumur hidup yang ditetapkan diterima menjadi Ahli KKKM dan berhaklah ia menjadi Ahli.

(10) Seseorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak boleh diterima menjadi Ahli KKKM kecuali dia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor universiti berkenaan

(11) AHLI KEHORMAT (VIP)

(a) Ahli Kehormat (VIP) boleh hadir dalam mesyuarat tapi tidak boleh mengundi ditempatkan tempat duduk Ahli Kehormat (VIP)

(b) Ahli Kehormat (VIP) boleh hadir dalam program-program KKKM

(c) Ahli Kehormat (VIP) tidak dikenakan yuran

(12) Presiden di dalam Jawatankuasa tertinggi pusat melantik Ahli Kehormat (VIP) atas nasihat Setiausaha Agong, jika pada fikirannya pelantikan itu mustahak dan berfaedah kepada KKKM. Setiap permohonan Ahli Kehormat VIP hendaklah dicadangkan oleh ahli jawatankuasa pusat, atau ahli jawatankuasa cawangan atau ahli jawatankuasa perhubungan dilantik oleh presiden atas nasihat setiausaha agong hendaklah dihantar ke pejabat Setiausaha Agong untuk dibawa ke majlis mesyuarat presiden.

(13) Ahli Kehormat (VIP) tidak terhad terbuka kepada semua masyarakat, tidak kira apa, jantina, kaum, ugama, bangsa, keturunan, warganegara, berumur (18) tahun keatas asalkan ianya mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Ahli Jawatankuasa Pusat KKKM dan didapati Ahli Kehormat VIP berminat untuk



membantu kemajuan KKKM memberi nasihat, pendapat, atau bantuan kewangan atau lain-lain memberi faedah kepada KKKM.

(14) Ahli-ahli Kehormat (VIP) boleh mendapatkan khidmat kerjasama dan cadangan sokongan bersurat dari KKKM asalkan khidmat kerjasama tersebut tidak menyalahi dari segi undang-undang Negara.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

FASAL 5: PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi Ahli KKKM hendaklah memberi kenyataan bertulis (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan menjelaskan segala hutangnya

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang KKKM atau bertindak dengan cara yang akan mencemar nama baik KKKM boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh jawatankuasa cawangan.

Sebelum jawatankuasa cawangan memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis, ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya.

Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agong cawangan menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

FASAL 6: SUMBER KEWANGAN

(1) Bayaran masuk/ Pendaftaran dan Kad Keahlian RM30.00 (tiga puluh sahaja)

(2) Yuran

(a) Yuran Tahunan RM20.00 (dua puluh sahaja)

(b) Yuran Seumur Hidup RM100.00 (seratus sahaja)

(3) Sumbangan

Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam bentuk wang dan barangan. Sumbangan berbentuk wang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan tepat dalam Penyata Tahunan Pertubuhan.

(4) (a) Yuran tahunan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari Cawangan terlebih





Setiausaha Agong,

Tuan,

Gambar
2
Keping

PERMOHONAN MENJADI AHLI SEUMUR HIDUP
18 TAHUN KEATAS

Saya memohon menjadi seorang ahli KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA (KKKM) dan akan patuh pada undang-undangnya. Kenyataan diri saya adalah seperti berikut:-

Nama Penuh (Huruf Besar) :

No. Kad Pengenalan : Tarikh Lahir :

Bangsa : Agama :

Alamat :

Pekerjaan : Nama Majikan :

No. Tel (R):.....(P) :(H/P):.....

E-mail Pemohon:

Nama Suami / Isteri : Tarikh Lahir:

Tarikh : No. Ahli :

DICADANG OLEH : Tandatangan Pemohon :

Nama Ahli Jawatankuasa :

Negeri :

(SILA LAMPIRKAN SALINAN KAD PENGENALAN / PASSPORT BAGI TUJUAN PENDAFTARAN RASMI)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tempoh Sah : Seumur Hidup

.....
DILULUSKAN

.....
BERTARIKH

.....
COP IBU PEJABAT



KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA (KKKM)
MALYSIAN GOVERNMENT HARMONY CLUB
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN No. (PPM 029-14-15022019)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA



Setiausaha Agong,

Tuan,

Gambar
2
Keping

PERMOHONAN MENJADI AHLI KEHORMAT (VIP)

Saya memohon menjadi seorang ahli Kehormat VIP KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA dan akan patuh pada undang-undangnya. Kenyataan diri saya adalah seperti berikut:-

Nama Penuh (Huruf Besar) :

No. Kad Pengenalan : Tarikh Lahir :

Bangsa : Agama :

Alamat :

Pekerjaan : Nama Majikan :

No. Tel (R): (P) : (H/P):

E-mail Pemohon:

Nama Suami / Isteri : Tarikh Lahir:

Tarikh : No. Ahli :

Tandatangan Pemohon :

DICADANG OLEH :

Nama Ahli Jawatankuasa :

(SILA LAMPIRKAN SALINAN KAD PENGENALAN / PASSPORT BAGI TUJUAN PENDAFTARAN RASMI)

Tempoh Sah : Seumur Hidup

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

.....
DILULUSKAN

.....
BERTARIKH

.....
COP IBU PEJABAT

KELAB KEHARMONIAN KERAJAAN MALAYSIA (KKKM)
ARAS 2-4-3, MENARA WISMA SEJARAH, 230 JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR

Email: malysiagovernmentharmonyclub@gmail.com Tel: 03-26021676